

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 APRIL 2015

Selesaikan secara diplomasi
um - 5/4/2015

KUALA LUMPUR 4 April - Kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak diharap dapat diselesaikan secara diplomasi antara kedua-dua pemimpin itu dalam semangat kekeluargaan UMNO.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin (**gambar**) berkata, hal ini demikian kerana situasi berkenaan dibimbangi membawa kesan yang tidak baik kepada parti.

Justeru kata beliau, bekas Perdana Menteri itu diminta memberi peluang kepada kedua kepada ruang perbincangan secara kekeluargaan walaupun ketegasan desakan Dr. Mahathir untuk Najib menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan seolah-olah sudah menutup pintu rundingan.

"Gencatan' ini perlu diperseetujui dengan segera kerana kita bimbang akan hadir pihak-pihak tertentu yang akan mengambil kesempatan 'menangguk di air yang keruh'.

"Pemuda UMNO Kedah bimbang sekiranya perkara ini dibiarkan berpanjangan dan tiada persefahaman dicapai, parti akan hilang fokus dalam mendepani isu-isu yang lebih meruncing seperti pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang masih berada dalam keadaan gelora," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kritikan Dr. Mahathir terhadap pentadbiran Najib melalui blog miliknya, *chedet.co.cc* kelmarin.

Dalam pada itu, Shaiful Hazizy berpandangan, jentera dan sayap parti tidak harus dipesongkan daripada mendepani cabaran yang sedia ada, sebaliknya semua ahli perlu fokus dan mengambil kesempatan atas keclaruan gabungan pakatan pembangkang dalam isu hudud dan beberapa perkara lain.

Sementara itu, Pengerusi Biro Media Sosial (BMS) Pemuda UMNO, Ibdilillah Ishak berkata, apa yang dinyatakan Dr. Mahathir dalam laman blognya tentang masa depan UMNO dan Pilihan Raya Umum ke-14 merupakan pandangan dari individu yang mencintai parti mengatasi segala-galanya.

